

20 JUL 1998

Australia-lawat

MENTERI LUAR AUSTRALIA LAWAT MALAYSIA RABU INI

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai Rabu ini, yang bertujuan meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan Downer itu adalah atas jemputan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ini merupakan lawatan rasmi keempat Downer ke Malaysia sejak dilantik sebagai menteri luar pada awal 1996.

Beliau akan diiringi oleh para pegawai penasihat dan pegawai kanan dari Jabatan Hal Ehwat Luar dan Perdagangan.

Selain mengenal pasti bidang-bidang baru kerjasama bagi mempertingkatkan hubungan dua hala, Downer dan Abdullah juga dijangka bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu kepentingan bersama serantau dan antarabangsa.

Downer juga dijadualkan membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut kenyataan itu, Downer akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri Tun Daim Zainuddin dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Luar Australia itu juga dijadualkan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Yayasan Malaysia-Australia pada Khamis dan menyampaikan ucapan perasmian pada jamuan malam tahunan Majlis Perniagaan Malaysia-Australia pada hari yang sama.

Downer akan berlepas ke Manila pada Jumaat untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Asean/Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri Asean.

--BERNAMA

ES NAK